

SYARAT – SYARAT KHAS

Syarat-syarat ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat tawaran :

1. **SPEKIFIKASI KITAB**

1. **Kitab Hadith – Hadith 40**
 - * Penterjemah : Mustafa Abdul Rahman
 - * Penerbit : Dewan Pustaka Fajar
2. **Kitab Tauhid – Risalah Tauhid (Jawi)**
 - * Penulis & Penerbit : Abdul Ghani Yahya & Omar Yusuf
3. **Kitab Tafsir – Tafsir Pimpinan Ar-Rahman**
 - * Penerbit : Darul Fikir
4. **Kitab Akhlak – Penawar Bagi Hati**
 - * Penulis : Abdul Qadir bin Abdul Muthalib
 - * Penerbit : Al-Hidayah Publications
5. **Kitab Fiqh – Matla’ Al-Badrain Jilid 1 (Jawi)**
 - * Penulis : Syaikh Muhammad bin Ismail Daud Patani
 - * Penerbit : Jabatan Mufti Negeri Selangor
6. **Kitab Fiqh – Matla’ Al-Badrain Jilid 2 (Jawi)**
 - * Penulis : Syaikh Muhammad bin Ismail Daud Patani
 - * Penerbit : Jabatan Mufti Negeri Selangor
7. **Kitab Amali Muslim – Fiqh Solat**
 - * Penulis : Ustaz Ahmad Baei Jaafar
 - * Penerbit : E-Media Publication Sdn. Bhd

2. **TEMPOH PENGHANTARAN**

- 2.1 Jadual Penghantaran adalah seperti di **Lampiran B:-**
- 2.2 Kontraktor hendaklah mematuhi Jadual Penghantaran yang telah ditetapkan. Sebarang penghantaran awal atau lewat hendaklah dimaklumkan terus kepada pihak sekolah, Penyelia Akademik Unit Pendidikan Islam Daerah dan **Unit Kurikulum, Sektor Pengurusan Akademik, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS.**

3. **PENGHANTARAN**

- 3.1 Setiap penghantaran hendaklah:-
 - i. Dilabel dengan jelas:-
 - (a) Nama Sekolah
 - (b) Tajuk Buku Teks (Mata Pelajaran)
 - (c) Tahun / Tingkatan

- (d) Kuantiti / bilangan Naskhah buku teks
- (e) Nama dan Alamat Syarikat Pembekal
- (f) No. Telefon Syarikat Pembekal / Penerbit

- ii. Dihantar terus mengikut sekolah. Senarai jumlah buku dan sekolah terlibat hendaklah dirujuk terus ke **Unit Kurikulum, Sektor Pengurusan Akademik, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS**.
- iii. Setiap penghantaran dan penerimaan hendaklah menggunakan nota penghantaran (SAP/invois) dan disahkan (cop) oleh pihak sekolah sama ada Guru Besar, Guru Penolong Kanan HEM, Guru Penyelaras SPBT atau mana-mana individu/guru yang diberi kuasa oleh pihak sekolah secara bertulis.

4. **TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR**

- 4.1 Kontraktor hendaklah mempunyai keupayaan dan hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya yang diperuntukkan di dalam semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam tawaran ini.
- 4.2 Kontraktor hendaklah menyediakan bilangan pekerja yang difikirkan suai manfaat dari masa ke semasa untuk menjalankan dan menguruskan Perkhidmatan Pembekalan tersebut .
- 4.3 Kontraktor tidak boleh mewakili tawaran kepada sesiapa pun tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada kerajaan.
- 4.4 Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga dan menjamin kualiti buku teks dan kesucian bahan-bahan cetakan yang mengandungi ayat-ayat al Quran melalui:-
 - i. Melarang orang awam/pekerja yang tidak berkenaan keluar masuk ke lokasi percetakan.
 - ii. Memastikan semua pekerja diperiksa sebelum masuk/keluar daripada tempat percetakan.
 - iii. Menyenaraikan semua pekerja yang terlibat semasa proses percetakan. **1 salinan senarai pekerja hendaklah dikemukakan.**
 - iv. Memastikan semua pekerja yang terlibat benar-benar boleh dipercayai.
- 4.5 Kenderaan yang digunakan mestilah sesuai serta selamat digunakan dan bilangan kenderaan mencukupi bagi tujuan penghantaran pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.

5. **TANGGUNG RUGI**

5.1 Kontraktor bersetuju dengan kerajaan bahawa-

- a) Kontraktor akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyiapkan percetakan dan, melepaskan kerajaan sepenuhnya sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang, dari apa-apa tuntutan dan tanggungan daripada apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan, kehilangan atau kematian yang terbit daripada Kontraktor oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini dan Kerajaan, kerugian, kerosakan, kehilangan atau kematian itu;
- b) Kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan daripada apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, kehilangan, ganti rugi dan kos yang ditanggung atau mungkin menjadi tanggungan Kerajaan berikut atau terbit dari –

Kecuaian dalam penggunaan atau salah guna atau, penyelewengan oleh Kontraktor atau wakil, pekerja dan ejennya;
DAN

Apa-apa kehilangan, kerosakan atau kerugian harta atau kecederaan berikutan dari pelaksanaan tawaran ini.

6. **PEMBATALAN TAWARAN**

6.1 Kerajaan berhak menamatkan tawaran ini dengan mengemukakan notis penamatan secara bertulis yang berkuatkuasa dari tarikh notis itu jika :-

Kontraktor melanggar mana-mana syarat tawaran;

ATAU

Perkhidmatan kontraktor yang diberikan tidak memuaskan (tidak menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan);

ATAU

Kontraktor menarik diri sebelum tamat tempoh pembekalan.

Tindakan melanggar mana-mana syarat akan mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas kontraktor seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1995.

JADUAL PENGHANTARAN

Bil	Tarikh Penghantaran	Lokasi
1	5 – 16 Januari 2015	Senarai Lokasi hendaklah dirujuk terus ke Sektor Pengurusan Akademik, Bahagian Pendidikan Islam, Tingkat 3 Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, 40676 Shah Alam.

JADUAL TAWARAN HARGA

Bil	Tajuk Buku Teks	Unit (a)	Harga Seunit (RM) (b)	Jumlah Harga (RM) (a) x (b)
MEMBEKAL BUKU TEKS SEKOLAH MENENGAH KAFA				
1	Kitab Hadith – Hadith 40	700		
2	Kitab Tauhid – Risalah Tauhid (Jawi)	700		
3	Kitab Tafsir – Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	700		
4	Kitab Akhlak – Penawar Bagi Hati	700		
5	Kitab Fiqh – Matla’ Al-Badrain Jilid 1 (Jawi)	700		
6	Kitab Fiqh – Matla’ Al-Badrain Jilid 2 (Jawi)	700		
7	Kitab Amali Muslim – Fiqh Solat	700		
JUMLAH KESELURUHAN				

** Harga adalah termasuk Kos Penghantaran*

Jumlah Ringgit Malaysia

Jangkamasa Penghantaran : **Rujuk Jadual Penghantaran (Lampiran B)**

.....
 (Tandatangan Penyebutharga)

.....
 (Tandatangan Saksi)

.....
 (Nama Penuh Penyebutharga)

.....
 (Nama Penuh Saksi)

5/26 Cop Syarikat & Tarikh

